

# 'Wujud kesitapan dalam usaha baik ekonomi'

B.M. 13 APR, 1960

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dalam usaha kerajaan memperbaiki kedudukan ekonomi negara, berlaku beberapa kesilapan dan salah anggap.

Beliau berkata masalah ekonomi yang dihadapi sekarang bukan sahaja disebabkan oleh kesilapan pengusaha, tetapi juga kerajaan.

Beliau memberi contoh arahan kerajaan supaya sektor bank menerima saham sebagai cagaran pinjaman, sedangkan arahan itu sebelum ini tidak dipersetujui sepenuhnya oleh institusi kewangan.

"Perlaksanaan arahan berkenaan menimbulkan masalah apabila nilai harga saham jatuh lebih rendah daripada harga saham ketika dibeli dan bank-bank mula meminta peminjam menambahkan lagi cagaran untuk menampung nilai saham yang merosot," katanya.

Tambah beliau, usahawan Bumiputera pula menghadapi masalah kerana mereka membeli saham pada harga murah daripada syarikat-syarikat yang melaksanakan penyusunan semula struktur ekuiti mengikut Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan memperuntukkan 30 peratus saham masing-masing kepada Bumiputera.

## Modal

Berucap merasmikan Simposium Bumiputera dan Ekonomi Negara Kedua anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Wilayah Persekutuan dan Utusan Melayu (M) Bhd, Perdana Menteri berkata, semua pihak mesti berfikir dengan ber-sungguh-sungguh mengenai masalah yang dihadapi dan sebab ia berlaku.

Kerajaan menjangka masalah itu akan berlaku terlebih awal lagi dan salah satu sebabnya adalah tindakan golongan tertentu yang menjadikan pasaran saham sebagai kasino.

Menyenaraikan saham syarikat di pasaran saham semata-mata untuk mendapatkan modal yang banyak melalui penjualan saham kepada orang ramai, juga satu kesilapan kerana modal yang diperolehi bukan keuntungan yang dicatatkan hasil kegiatan perniagaan.